

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SPU305 - Politik Masyarakat Majmuk

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** dari Bahagian A dan **DUA** (2) soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan 1 diwajibkan.

1. Berikan penjelasan ringkas untuk:

- (a) teori etnisiti tindak-balas (M. Hechter)
- (b) ras, genotaip dan fenotaip
- (c) proses-proses asimilasi dan kepelbagaiannya kaum
- (d) nasionalisme (menurut takrifan Suntharalingam)

(100 markah)

...2/-

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Apakah dimaksudkan oleh C. Geertz dengan “sentimen primordial”? Bagaimanakah sentimen-sentimen ini boleh menjelaskan ketenteraman sesuatu negara?

Apakah pula kritikan yang mungkin akan dikemukakan oleh seorang sarjana seperti F. Barth yang utamakan “faktor budaya subjektif” terhadap pendekatan Geertz ini?

(100 markah)

3. D. Horowitz berpendapat bahawa konsosiasionalisme, seperti mana disarankan oleh A. Lijphart, sukar dicapai di kebanyakan negara Dunia Ketiga. Kalau ia dicapai, ia tidak akan kekal lama.

Apakah alasan-alasan Horowitz? Apakah saranan-saranan Horowitz untuk mengatasi kekurangan-kekurangan sistem konsosiasionalisme ini?

(100 markah)

4. “Perbezaan dari segi budaya, sejarah dan tradisi semata-mata tidak dapat menjelaskan mengapa konflik perkauman sering bercetus dalam masyarakat majmuk. Pembentukan sesuatu kumpulan etnik, yang ditentukan oleh sempadan etnik tersendiri, dan konfliknya dengan kumpulan etnik yang lain, pada asasnya terdiri daripada satu proses subjektif.” Berikan komen anda.

(100 markah)

5. SAMA ADA

Dengan merujuk kepada teori kelas (sepertimana digunakan oleh S. Husin Ali) jelaskan mengapa ketegangan dan konflik perkauman terus berlarutan di Malaysia sejak kemerdekaan hingga sekarang. Bincangkan juga sebarang kelemahan yang mungkin wujud dalam analisis yang berdasarkan teori kelas ini.

ATAU

“Ekoran daripada pembangunan yang mendadak dan kemunculan satu sistem kenegaraan yang kukuh sejak tahun 1970an, satu budaya politik yang berdasarkan ‘developmentalism’ dan ‘statism’ semakin wujud di Malaysia. Oleh yang demikian, partisipasi politik yang berdasarkan kaum juga semakin berkurangan. Inilah sebabnya mengapa polarisasi kaum di Malaysia kelihatan reda pada tahun 1990an ini.” Bincangkan.

(100 markah)